

BAB 9

PENGERAK PENYEBARAN ISLAM DI MELAKA

Pendahuluan

Tun Perak adalah orang yang bertanggungjawab dalam menyebarkan pengaruh Islam di Melaka. Dengan penaklukkan-penaklukkan dan perluasan jajahan yang telah dilakukan, maka Tun Perak telah dianggap menjadikan Melaka sebagai pusat penyebaran Agama Islam. Ini kerana menjelang tahun 1470-an Melaka merupakan satu-satunya kerajaan Islam yang terkuat di Asia Tenggara dengan mempunyai jajahan takluk yang luas di samping menjadi pelabuhan antarabangsa yang termasyhur.

Justeru itu Tun Perak adalah merupakan penggerak kepada penyebaran Islam di Melaka. Perkembangan Islam di rantau Asia Tenggara melalui kerajaan Melaka berlaku menerusi pelbagai faktor seperti kegiatan perdagangan, minat golongan pemerintah, penaklukkan, kegiatan keilmuan, kegiatan golongan tasawwuf dan sebagainya. Berdasarkan kepada faktor-faktor inilah, Melaka telah berjaya menjadi sebuah pusat penyebaran Agama Islam yang tiada tandingannya di rantau ini.

Penganut Islam Yang Taat

Malah, jika ditinjau daripada aspek keperibadian, Tun Perak adalah seorang individu yang sangat alim dan kuat mengamalkan ibadat. Keadaan ini telah dibuktikan oleh Tun Sri Lanang di dalam *Sejarah Melayu* iaitu suatu peristiwa luar biasa telah berlaku ketika Tun Perak hendak turun sembahyang subuh. Peristiwa ini telah membuktikan bahawa Tun Perak adalah seorang penganut Agama Islam yang taat kerana sentiasa menunaikan solat sebaik sahaja waktu solat masuk.

Bukan itu sahaja, Tun Perak juga mempunyai keistimewaan dalam membuat ramalan. Tun Perak pernah meramalkan mengenai Tun Mutahir iaitu Tun Mutahir akan menjadi orang besar dan terkenal melebihi dirinya tetapi tidak akan kekal lama. Ramalan itu telah dibuat apabila Tun Perak melihat kepala Tun Mutahir bercahaya pada suatu pagi iaitu dalam waktu subuh.¹ Ternyata ramalan beliau itu adalah benar apabila Tun Mutahir berjaya menjadi kaya raya tetapi telah dihukum bunuh oleh Sultan Mahmud Syah kerana telah difitnah oleh pembesar yang lain. Justeru itu, ternyata kepada kita bahawa sifat-sifat yang ada dalam diri Tun Perak ini melambangkan kejayaan Melaka sebagai pusat penyebaran Islam di rantau ini.

¹ W.G., Shellabear, (ed) 1982. *Sejarah Melayu*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, hlm. 104. Kisah itu tidak terdapat dalam edisi Winstedt.


Peranan Melaka Dalam Penyebaran Islam Di Alam Melayu

Di bawah pimpinan Tun Perak yang sentiasa mempunyai visi yang jauh ke hadapan dan berkeupayaan tinggi sebagai seorang pemimpin, kerajaan Melaka telah berjaya muncul sebagai pusat kegiatan penyebaran Islam yang unggul. Iaitu selama lebih kurang seratus tahun, Melaka telah berjaya menyambung usaha-usaha Kerajaan Pasai dalam meluaskan syiar Islam ke seluruh Nusantara. Kerajaan Melaka merupakan sebuah benteng Islam yang perkasa dalam abad ke-15 kerana telah berjaya menyebarkan Islam berdasarkan kepada kekuatan semangat dan kesungguhan pemerintah dan pendakwah di seluruh kawasan kepulauan Melayu.

Agama Islam yang telah diperkenalkan kepada masyarakat Melayu bukan hanya satu agama yang meyakinkan keesaan Allah, tetapi juga satu sistem etika yang diterima oleh semua golongan.² Oleh yang demikian bermula dari Melaka, Agama Islam telah berkembang dengan meluasnya ke seluruh Semenanjung Tanah Melayu. Walaupun tidak dapat dikatakan bahawa Melakalah yang telah memperkenalkan Islam ke negeri-negeri di Semenanjung ini akan tetapi Melaka memainkan peranan yang penting memantapkan kedudukan Islam dalam pemerintahan negeri-negeri itu.

² Mohd Taib Osman, 1980. *Islamisation of the Malay: A Transformation of Culture*, dalam *Tamadun Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, hlm. 4.

Peta 9.1: Menunjukkan Penyebaran Agama Islam Ke Alam Melayu Abad Ke 15 dan 16.



Sumber: Dipetik daripada Muhammad Yusof Hashim, 1996. *Tun Perak: dalam Sejarah dan Dinamisme Ketamadunan Bangsa*, Batu Berendam Melaka: Institut Kajian Patriotisme, hlm. 12.

Dengan penabalan Raja Kassim sebagai Sultan Melaka, pengaruh Tamil Islam semakin kuat di istana Melaka. Oleh sebab itu, pengaruh Islam mula bertapak dengan kukuh. Sebelum golongan Tamil Islam ini berkuasa, Agama Islam tidaklah begitu kuat dipegang oleh orang-orang Melayu Melaka. Amalan-amalan lama mereka seperti berjudi, minum arak dan sebagainya masih diamalkan. Justeru itu, kerana tidak kuatnya berpegang kepada ajaran

Islam, Bendahara Seri Wak Raja telah membunuh diri kerana malu tidak dilayani oleh sultan.³ Seri Rama, yang merupakan seorang panglima angkatan bergajah Melaka juga merupakan seorang yang pemabuk.⁴

Kemunculan Melaka sebagai pusat Islam yang terpenting di rantau ini memang tidak dapat disangkal lagi.⁵ Adib Majul menegaskan bahawa dalam masa pentadbiran Tun Perak di bawah pemerintahan Sultan Mansur Syah, Melaka menjadi pusat tumpuan ulama-ulama dari Kepulauan Melayu dan ketika itu juga Islam mula berkembang ke luar dari Semenanjung.⁶ Di situ mereka memperdalami teknik-teknik pendakwahan untuk diperaktikkan di daerah-daerah lain dalam Nusantara.⁷ Pendapat Adib Majul sekaligus menggambarkan Melaka menyebarkan Islam dalam bentuk dua hala iaitu tarikan ke dalam dan sebaran ke luar. Penyebaran itu berlaku dengan pelbagai cara. Antaranya melalui perkahwinan, perluasan kuasa politik, perdagangan dan yang lebih penting ialah gerakan dakwah Islamiah.

Hasil daripada kebijaksanaan Tun Perak, Melaka telah menjadi sebuah pusat penyebaran Islam di Nusantara, iaitu seperti yang telah disebutkan oleh Sejarawan D.G.E. Hall di bawah iaitu:

³ A. Samad Ahmad, 1979. *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 87.

⁴ *Ibid.*, hlm. 106.

⁵ R.C., Majumdar, 1963. *Hindu Colonies In The Far East*, Culcutta: Firma Kuala Lumpur Mukhopadhyay, hlm. 79.

⁶ Cesar Adib Majul, 1978. *Muslim In The Philippines*, hlm. 41.

⁷ Muhammad Uthman el-Muhammady, 1976. ‘Peranan Islam Dalam Pembentukan Kebudayaan Melayu, Kertas Kerja dalam Seminar Kebudayaan: *Islam dan Kebudayaan Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 25-28 Julai, 1976, hlm. 2.

Melaka adalah pusat penyebaran Islam yang terpenting di rantau ini.⁸

Menurut beliau, pada kurun ke-15, Melaka telah diakui oleh negeri Melayu yang lain sebagai sebuah pusat penyebaran Islam di Nusantara. Ramai pengunjung datang dari segala ceruk rantau Nusantara untuk mendalami ilmu mereka terutamanya selepas kemerosotan Kerajaan Samudera-Pasai. Malah menurut Winstedt, Sultan Mahmud Syah pernah mendakwa Melaka sebagai *Serambi Mekah*.

Melaka Sebagai Kuasa Penakluk

Salah satu faktor perkembangan Agama Islam di Melaka ialah negeri Melaka merupakan sebuah kuasa penakluk yang digeruni. Tun Perak yang memegang jawatan Bendahara Paduka Raja adalah merupakan tokoh sebenar yang telah merangka gerakan dan dasar imperialis Melaka di Tanah Melayu dan Sumatera.

Corak ‘sebaran ke luar’ ada kaitan yang rapat dengan perluasan kuasa politik. Negeri-negeri Pahang, Terengganu, Kampar, Siantan, Inderagiri dan Riau Lingga yang ditawan memudahkan raja mereka dilaksanakan dan menyebarkannya di negeri-negeri tersebut. Penyebaran cara ini telah dipandang serong oleh para sarjana tertentu. Mereka mengatakan Melaka

⁸ D.G.E. Hall, 1996. *A History of South-East Asia*, Macmillan & Co. Ltd. London, him 196.

menyebarluaskan Islam dengan cara kejam dan paksa.⁹ Tuduhan itu adalah ternyata tidak berasas kerana tidak ada bukti bahawa pemerintah Melaka berbuat demikian. Lagipun Al-Quran telah menjelaskan bahawa tidak ada paksaan dalam beragama.¹⁰ Malah A.Reid dalam sebuah artikelnya yang berjudul *The Islamization of Southeast Asia* mengatakan:

Tanpa peperangan yang sedemikian Islam akan lebih lambat tersebar, malah di kawasan-kawasan seperti di barat dan timur Jawa mungkin tidak tersebar langsung.¹¹

Penawanan akan memudahkan lagi kegiatan pendakwah-pendakwah. Pengislaman Raja akan menyebabkan berlakunya pengislaman rakyat kerana wujudnya konsep daulat dan derhaka. Empayar Melaka pada zaman kegemilangan Tun Perak adalah meliputi negeri Pahang, Terengganu, Kedah, Patani, Johor, Kelantan, Kampar, Siak, Rokan, Inderagiri, Siantan, Kepulauan Riau-Lingga dan Jambi. Pihak pentadbir yang diketuai oleh Tun Perak telah menghantar para mubaligh ke negeri-negeri jajahan takluk untuk diislamkan.

Justeru itu, Tun Perak sebagai Bendahara Melaka adalah orang yang bertanggungjawab menjadi perancang strategi yang baik untuk mengembangkan Islam di rantau ini. Islam yang telah tersebar ke Negeri Sembilan adalah kerana usaha Tun Perak. Ini adalah kerana Sungai Ujong

⁹ Antara yang menyatakan demikian ialah R.C.Majumdar, lihat bukunya *Hindu Colonies In The Far East*, hlm. 79.

¹⁰ Antaranya, lihat maksud ayat 256, Surah Al-Baqarah, dalam Al-Quran dan Terjemahannya, hlm. 63

¹¹ A., Reid, 1984. *The Islamization Of Southeast Asia*, dalam Historia, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, hlm. 29.

merupakan daerah kepunyaannya. Malah penyebaran Islam ke Selangor turut berlaku melalui pengaruh Tun Perak. Ini kerana beliau pernah menjadi penghulu di daerah Kelang. Sultan Mansur Syah pula telah berkahwin dengan cucu Sultan Iskandar yang memerintah Kelantan. Dengan ini, boleh diandaikan bahawa Islam mungkin turut tersebar ke Kelantan melalui pengaruh Melaka. Begitu juga dengan negeri Johor, Islam tersebar ke sana kerana Johor dianggap sebagai sebahagian daripada Melaka. Terengganu pula, secara rasminya telah memeluk Islam setelah menjadi jajahan takluk Melaka.¹² Patani telah diislamkan oleh orang Melaka.¹³ Walaupun tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa Melaka telah menawan Patani akan tetapi Melaka mempunyai pengaruh yang kuat ke atas Patani. Selepas sahaja Raja Patani diislamkan, baginda telah mengirim sembah kepada Sultan Mahmud Syah di Melaka.¹⁴ *Sulalatus Salatin* mencatatkan bahawa selepas Raja Patani, Cau Seri Bangsa pula yang telah memeluk Agama Islam dan baginda telah mengirimkan utusan ke Melaka untuk memohon nobat. Sultan Mahmud Syah yang memerintah Melaka ketika itu telah menganugerahkan baginda nobat dan memberinya gelaran Sultan Ahmad Syah.¹⁵

Penyebaran Islam sebelum Melaka di sekitar Semenanjung dijalankan begitu perlahan walaupun terdapat negeri-negeri yang telah menerima Islam seperti Terengganu dan Kedah. Akan tetapi Inderapura (Pahang) tidak pula

¹² *Ibid.*, hlm 263.

¹³ *Ibid.*, hlm 263

¹⁴ Ibrahim Syukri, 1985. *History of The Malay Kingdom of Patani*, Athens: Center For International Studies Ohio University, hlm. 17.

¹⁵ A. Samad Ahmad, 1979. *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 242-243.

menerima Islam sehingga ia ditawan oleh Melaka dalam zaman Sultan Mansur Syah. Pemerintah Islam yang pertama ialah Sultan Muhammad Syah iaitu putera Sultan Mansur Syah yang dibuang ke sana kerana telah membunuh anak Bendahara Paduka Raja Tun Perak.¹⁶ Ternyata di sini, bahawa di atas kebijaksanaan Tun Perak merangka dasar imperialis, Agama Islam dapat disebarluaskan dengan mudah dan cepat.

Sehubungan dengan itu, penguasaan Melaka ke atas negeri di pesisir kiri dan kanan Selat Melaka itu membolehkannya mengawal jalan perdagangan yang melalui Selat Melaka dan menyebarluaskan Agama Islam. Negeri-negeri yang ditawan oleh Melaka juga telah diislamkan. Justeru itu dalam zaman Sultan Alauddin Riayat Syah, pemerintah Siak itu dikatakan oleh pengarang *Sulalatus Salatin* bernama Sultan Ibrahim.¹⁷

Malah Tun Perak juga adalah orang yang bertanggungjawab menasihati Sultan Melaka untuk mengahwinkan puteri-puteri Melaka dengan pembesar wilayah-wilayah jajahan. Melalui perkahwinan politik ini, secara tidak langsung Islam turut dapat disebarluaskan kepada wilayah-wilayah yang lain.

Sejajar dengan itu, bagi kerajaan Melaka, Islam ialah satu alat politik yang mempunyai potensi besar. Iaitu dengan menjadikan Islam sebagai agama rasmi, negeri Melaka dapat masuk ke dalam kumpulan atau golongan seperti yang dikatakan oleh Van Leur sebagai Persatuan Islam. Justeru itu, dengan menyertai golongan ini, Melaka mempunyai lebih banyak sahabat dan

¹⁶ Ibid., hlm. 152-154.

¹⁷ A. Samad Ahmad, 1979. *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 184.

mendapat banyak dorongan untuk meluaskan lagi kekuasaannya. Oleh itu, apabila Melaka dapat menguasai negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu di pantai Timur Sumatera Agama Islam juga merebak ke kawasan-kawasan tersebut. Agama Islam adalah merupakan satu senjata politik untuk menentang Siam yang beragama Buddha, seterusnya ia juga merupakan satu kuasa perpaduan bagi empayar Melaka.¹⁸

Kestabilan Politik

Kestabilan politik di bawah pentadbiran Tun Perak juga adalah merupakan antara faktor penyebaran Islam di Melaka. Melaka mula mencapai zaman kestabilan politik semasa pemerintahan Sultan Mansur Syah dan dibantu oleh Tun Perak sebagai penasihat yang utama. Pada masa itu, Melaka telah menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara China dan berdamai dengan Siam. Di dalam *Sejarah Melayu* ada dinyatakan bahawa seseorang tidak perlu membawa obor api jika berjalan pada waktu malam di antara Jugra di Selangor sehingga ke Air Leleh di Melaka kerana sepanjang jalan tersebut dipenuhi dengan rumah-rumah. Keadaan ini menggambarkan betapa suasana aman telah wujud di Melaka pada waktu itu. Kestabilan politik telah menyebabkan Melaka menjadi pelabuhan yang amat digemari di kalangan pedagang-pedagang Islam dan bukan Islam. Ia turut mendorong kemasukkan lebih ramai mualigh Islam ke Melaka. Kesemuanya ini turut memberikan

¹⁸ D.G.E. Hall, 1987. *Sejarah Asia Tenggara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, hlm. 263.

sumbangan dalam membantu Melaka mengembangkan Islam di seluruh nusantara.

Hubungan Diplomatik

Faktor yang seterusnya ialah menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara-negara lain. Tun Perak sebagai orang kanan sultan bertanggungjawab menasihati Sultan Melaka supaya mengadakan hubungan diplomatik dengan negara-negara lain demi kebaikan kerajaan Melayu Melaka. Kebijaksanaan Tun Perak mengadakan hubungan diplomatik dengan negara-negara lain, telah berjaya meluaskan lagi pengaruh Islam kerana ia dapat menarik kemasukkan lebih ramai pedagang Islam dan bukan Islam yang mana seterusnya membawa kepada penyebaran Islam melalui kegiatan perdagangan. Agama Islam juga mungkin disebarluaskan dari Melaka melalui hubungan diplomatik. Di bawah pentadbiran Tun Perak iaitu dalam zaman pemerintahan Sultan Mansur Syah, baginda telah menghantar beberapa perutusan persahabatan ke negeri-negeri lain yang ada di Asia Tenggara. *Sulalatus Salatin* menyatakan, utusan muhibbah telah dikirimkan ke Goa (Sulawesi), Majapahit dan Siam.¹⁹ Pada pertengahan abad ke-15 M ini Melaka menjadi begitu kuat sehingga tidak ada kuasa lain yang dapat menentangnya di sekitar Alam Melayu. Walaupun

¹⁹ A. Samad Ahmad, 1979. *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 100,107, 118.

kekuasaannya tidak sampai ke Jawa akan tetapi pengaruh Majapahit lumpuh akibat kebangkitan Kesultanan Melayu Melaka. Antara negara-negara yang mempunyai hubungan diplomatik dengan Melaka ialah Siam, China dan Pasai serta negara-negara lain.

Melaka Sebagai Pusat Perdagangan

Kegiatan perdagangan yang dijalankan di Melaka merupakan salah satu faktor penyebaran Islam di Melaka iaitu dengan adanya tumpuan pedagang Islam dari Tanah Arab. Kedudukan pelabuhan Melaka adalah strategik iaitu berada di tengah-tengah jalan perdagangan di antara Laut Hindi dengan Laut China. Keadaan inilah yang telah menyebabkan pelabuhan Melaka berkembang menjadi sebuah pelabuhan yang besar, maju dan mempunyai status sebagai pelabuhan antarabangsa. Justeru itu, Kerajaan Melaka telah berjaya menjadi sebuah pusat perdagangan yang terpenting di rantau Asia Tenggara pada abad ke-15 M.

Secara tidak langsung, corak ‘tarikan ke dalam’ berlaku kepada mereka iaitu yang terdiri daripada golongan pedagang-pedagang, ulama atau raja yang datang ke Melaka. Di situ mereka menerima atau mempelajari hal-hal keagamaan. Ada di antara mereka yang menyebarkan pula Agama itu setelah kembali ke negeri atau daerah masing-masing, terutamanya berlaku kepada

pedagang-pedagang Jawa.²⁰ Kestabilan politik yang telah diwujudkan oleh Tun Perak telah menyebabkan Melaka menjadi pelabuhan yang digemari oleh para pedagang Islam dan sekaligus mendorong kemasukan ramai pendakwah ke Melaka.

Pedagang-pedagang Islam dan bukan Islam datang dari Arab, India, Champa dan Pulau Ryukyu di Jepun. Kedatangan pedagang-pedagang dari Arab dan India bukan sahaja membawa barang dagangan tetapi juga turut menumpangkan para pendakwah yang menyampaikan syiar Islam kepada masyarakat Melaka dan masyarakat Kepulauan Melayu yang lain.

Sebaran keluar juga berlaku melalui pedagang-pedagang Melaka yang pergi berdagang ke beberapa daerah di Kepulauan Melayu terutama di kawasan pengeluaran rempah. Kepesatan kegiatan perdagangan telah membantu perkembangan Islam secara langsung atau tidak langsung melalui kegiatan pedagang-pedagang Islam. Menurut R.O., Winstedt, di atas kepentingan perdagangan dan jalan perdagangan itu sendiri, para pedagang juga turut sama berdakwah untuk mengembangkan lagi Agama Islam di rantau ini. Malah dalam menguruskan para pedagang di Melaka, pihak pemerintah lebih mengutamakan pedagang-pedagang Islam dalam menjaga keperluan dan kebajikan para pedagang. Para pedagang Islam menerima lebih banyak keistimewaan dan ini telah mendorong ramai pedagang bukan Islam untuk

²⁰ Untuk lebih jelas lihat, A.Mahdi Ali, 1970. *The Spread of Islam In Indonesia*, Jakarta: Yayasan NIDA, him. 11.

memeluk Agama Islam agar dalam keadaan tertentu mereka menerima layanan yang baik dan keistimewaan yang sama.²¹

Peranan Syahbandar

Peranan syahbandar juga merupakan kejayaan Melaka sebagai pusat penyebaran Islam. Syahbandar adalah merupakan orang yang bertanggungjawab dalam menguruskan pentadbiran pelabuhan Melaka. Di Pelabuhan Melaka terdapat seramai empat orang Syahbandar. Pihak pentadbiran negeri Melaka yang diketuai oleh Tun Perak telah menyediakan seorang syahbandar bagi pedagang dari Gujerat, dan seorang Syahbandar untuk pedagang-pedagang dari negara China, Champa dan juga Kepulauan Ryukyu. Malah pihak pentadbir juga menyediakan seorang syahbandar yang khusus untuk para pedagang dari Jawa, Maluku, Banda, Sulawesi, Palembang, Borneo dan Filipina serta seorang lagi syahbandar untuk pedagang dari selatan India, Benggala, Pegu (Burma) dan Pasai. Kempat-empat orang syahbandar yang mentadbir pelabuhan Melaka ini telah membuktikan bahawa pelabuhan Melaka adalah sebuah pelabuhan yang besar di rantau Asia Tenggara. Golongan syahbandar ini lebih cenderung memberikan layanan yang istimewa kepada para pedagang Islam dan ini menyebabkan terdapat ramai pedagang bukan Islam yang turut cenderung memeluk Agama Islam agar mendapat layanan dan keistimewaan yang sama.

²¹ D.G.E. Hall, 1987. *Sejarah Asia Tenggara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, hlm. 264.

Melaka Sebagai Pusat Keilmuan

Daripada segi keilmuan, Agama Islam telah memperkenalkan Tasawwuf, Fekah, Qalam, Tauhid, Usuluddin, Falsafah, Mantik, Tafsir dan Hadis kepada masyarakat Melayu tradisional.²² Berdasarkan *Sejarah Melayu*, ilmu-ilmu itu memang terdapat dalam masyarakat Melayu terutama di Melaka dan Pasai.

Tun Perak telah berusaha menjadikan Melaka sebagai sebuah pusat keilmuan dengan cara menjalinkan hubungan diplomatik dengan Pasai. Kerajaan Melaka berjaya menjalinkan hubungan baik dengan Pasai apabila Tun Perak yang mengetuai angkatan tentera Melaka telah berjaya melumpuhkan penderhakaan di Pasai. Pasai yang ketika itu dihuni ramai para ulamak, fukahak dan ahli fikir Islam telah menjadi tempat rujukan bagi Melaka untuk menyelesaikan banyak permasalahan agama daripada aspek akidah, tafsir, pendapat dan pelbagai wacana serta pertelingkahan mengenai agama, khususnya yang berkaitan ilmu mengenai Ketuhanan dan Tasawwuf.

Pengiriman Kitab Tasawuf yang bernama *Durrul'l Manzum* (antara mutiara)²³ karangan Maulana Abu Ishak, seorang sufi di Makkah, yang disalin dalam tiga bahasa²⁴ iaitu bahasa zat, bahasa sifat dan bahasa afal ke Melaka melalui Maulana Abu Bakar secara tidak langsung menggambarkan ketinggian fahaman Agama Islam di situ. Walau bagaimanapun orang Melaka hanya dapat

²² Nik Abdul Aziz Nik Hassan, 1980. 'Islam, Kepimpinan Nilai-nilai Hidup dalam Masyarakat Melayu Tradisional', dlm., *Tamadun Islam di Malaysia*, hlm. 89.

memahami isi kandungan kitab itu setelah ia diterjemahkan oleh Makhdum Patakan di Pasai.

Semasa pentadbiran Tun Perak telah timbul suatu wacana intelektual yang hebat ketika itu, iaitu salah satu daripadanya merujuk kepada kitab *ad-Darul-Manzum*, atau *ad-Darul-Mazlum*, untuk disebar dan di fatwakan kandungan Tasawwufnya di Melaka. Kitab tersebut dibawa dari Jeddah oleh Maulana Abu Bakar.²⁵ Kitab itu merupakan, karangan Maulana as-Syeikh Abu Ishak, iaitu seorang tokoh Tasawwuf telah membahaskan persoalan dhat dan sifat Allah telah Kitab ini, dipelajari dan menjadi teks rujukan para ulamak dan ilmuan Islam kerajaan Melaka.

Menurut Profesor Syed Muhammad Naquib Al-Attas dalam bukunya *Suffism*, kehadiran kitab *Darul Mazlum* melambangkan pengaliran masuk ajaran berunsurkan Tasawwuf ke negeri Melaka. Usaha-usaha penterjemahannya melambangkan bahawa kegiatan pengajian Islam di Melaka tidak hanya terbatas kepada aspek mendengar ajaran atau penerangan guru-guru semata-mata, sebaliknya meliputi daya usaha untuk memahami dengan lebih mendalam tentang ilmu pengetahuan itu sendiri.

Sultan Mansur Syah telah berguru dengan Maulana Abu Bakar mengenai pelbagai ilmu pengetahuan termasuk bidang Tasawwuf. Maulana

²³ T.D. Situmorang dan A.Teeuw (ed.), *Sejarah Melayu*, Djakarta: Penerbitan Djambatan, 1958, hlm.168, Edisi Abdullah Munshi penyebutan yang hampir sama terdapat dalam edisi Winstedt iaitu *Durr Mazlum*, hlm. 114, dan edisi A. Samad Ahmad mencatatkan *Dari' I-Mazlum*, hlm. 146, *Darul-Mazlum* dan *Dari'I-Mazlum* membawa erti mutiara teraniaya.Lihat daftar istilah edisi-edisi berkenaan.

²⁴ Edisi Abdullah menyebut ‘bahas’ bukan ‘bahasa’ seperti edisi-edisi lain. Lihat hlm. 168.

²⁵ Samad Ahmad, 1979. *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 153-158.

tersebut mendapati bahawa beliau amat terang hatinya. Baginda dikatakan amat menghargai nilai ilmu pengetahuan. Minat untuk mengembangkan ilmu keagamaan juga telah ditunjukkan oleh Sultan Alauddin Riayat Syah yang pernah mnejemput pemerintah-pemrintah dari Pahang, Kampar dan Inderagiri, serta seluruh keluarga mereka untuk datang mendalami ilmu-ilmu agama di istana. De Al-Buquerque juga menyatakan minat Sultan ini untuk tinggal bersendirian yang boleh membawa erti kehidupan ahli Tasawwuf. Kedatangan ahli-ahli sufi seperti Maulana Abdul Aziz, Maulana Abu Bakar dan Maulana Sadar Jahan ke Melaka serta Makhdum Mua di Pasai membayangkan bahawa ilmu-ilmu tersebut turut berkembang.

Ketinggian pengetahuan agama masyarakat Melaka juga tergambar daripada pengajian Agama ke Pasai. Sultan Mansur Syah selepas berguru dengan Maulana Abu Bakar telah menguji kebolehan ulama di Pasai dengan menghantar Tun Bija Wangsa untuk bertanyakan masalah isi syurga dan isi neraka. Apakah mereka kekal di dalamnya? Persoalan itu dijawab oleh Makhdum Mua berdasarkan ayat 6-8, Surah al-Bayyinah (Bukti):

Ayat 6: Sesungguhnya orang-orang kafir yakin ahli kitab dan orang-orang musyrik (akan masuk) ke neraka Jahanam, mereka kekal di dalamnya. Mereka itu adalah seburuk-buruk makhluk.

Ayat 7: Sesungguhnya orang-orang beriman dan mengerjakan amal soleh, mereka itu adalah sebaik-baik makhluk.

Ayat 8: Balasan mereka di sisi Tuhan mereka ialah syurga. Ada yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Allah redha terhadap mereka dan mereka redha kepadanya. Yang demikian itu adalah (balasan) bagi orang yang takut kepada tuhannya.²⁶

Namun begitu, jawapan tersebut mungkin tidak dikehendaki oleh Sultan Melaka. Justeru itu, Sultan Pasai menemui Makhdum Mua dan ekoran daripada itu beliau mengemukakan jawapan lain dalam bentuk taklik.²⁷ Sebagai sebuah pusat pengajian Agama Islam, kerajaan Melaka begitu peka dengan perkembangan masalah agama. Baginda turut mengetahui wujudnya perdebatan antara ulama Mawaran-Nahar, ulama Khurasan dan ulama Iraq, iaitu: ‘barang siapa yang mengatakan bahawa Allah menjadikan dan memberikan rezeki sejak azali maka ia adalah kafir; dan orang itu juga menjadi kafir jika ia mengatakan bahawa Allah tidak menjadikan dan tidak memberi rezeki sejak azali’.²⁸

²⁶ Lihat Al-Quran dan terjemahannya, hlm 185. Untuk mengetahui keadaan penghuni neraka dan syurga antara lain lihat ayat 19-25, Surah al-Haj (Haji)

²⁷ A. Samad Ahmad, 1979. *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 150. Namun begitu jawapan dalam bentuk takhluk untuk diterangkan dalam semua edisi *Sejarah Melayu* Cuma dikatakan Tun Bija Wangsa terlalu sukacita dengan jawapan tersebut.

²⁸ W.G., Shellabear, 1982. (ed) *Sejarah Melayu*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, hlm. 86-88.

Mengembangkan Islam Di Tanah Melayu

Pemerintah Melaka yang terdiri daripada Sultan dan Tun Perak sendiri telah menggalakkan lagi perkembangan Agama Islam dengan menunjukkan minat terhadap kegiatan keilmuan dan sering mengemukakan berbagai permasalahan agama ke Pasai. Ini menunjukkan betapa pemerintah Melaka mempunyai minat dan penyertaan yang mendalam terhadap kegiatan dan perkembangan ilmu Agama Islam.

Di istana itu juga dijalankan kegiatan menyalin dan menterjemahkan kitab-kitab yang penting. Oleh kerana mesin cetak belum wujud dan proses penyalinan merupakan satu tugas yang rumit, maka penulis-penulis khusus telah diadakan dan diberi beberapa keistimewaan tertentu.

Cara yang lain ialah dengan menghantar para mubaligh atau pendakwah ke kawasan tertentu. Mahmud Junus mencatatkan bahawa Sultan Mansur Syah pernah menghantar pendakwah ke Minangkabau Timur untuk menyebarkan Islam secara damai. Usaha itu melahirkan pula pendakwah-pendakwah tempatan. Mereka kemudiannya mengembangkan syiar Islam ke daerah Muara Asahan dan lain-lain.²⁹

Langkah Sultan-sultan Melaka menitikberatkan persoalan agama dan memberi layanan yang baik kepada alim ulama memungkinkan Islam berkembang pesat. Raja, pembesar dan rakyat seperti yang dijelaskan oleh pengarang *Sejarah Melayu*, selalu berguru kepada Maulana-maulana Arab

²⁹ Mahmud Junus, 1971. *Sejarah Islam di Minangkabau*, (Sumatera Barat), Jakarta: al-Hidayah, hlm. 16-17.

yang tiba atau tinggal di Melaka. Contohnya Sultan Muhammad Syah telah berguru dengan Maulana Abdul Aziz. Sultan Mansur Syah pula telah mempelajari Agama Islam dengan Kadi Yusof dan Maulana Abu Bakar. Baginda juga telah membina sebuah masjid yang sangat cantik.³⁰

Kegiatan Mubaligh Islam Melaka

Tun Perak telah menggalakkan para mubaligh datang ke Melaka. Para mubaligh Islam yang ramai berkumpul di Melaka adalah orang yang bertanggungjawab mengembangkan Islam ke seluruh wilayah Nusantara pada abad ke-15. Kegiatan pendakwahan ini adalah selari dengan dasar pemerintahan Melaka sendiri yang merestui kegiatan para pendakwah ini. Maulana Abu Bakar dan Kadi Yusuf adalah antara pendakwah yang pernah datang ke Melaka. Kegiatan ini selari dengan dasar pemerintah Melaka yang merestui kegiatan para mubaligh ini. Malah, Sultan Melaka sendiri di atas nasihat Tun Perak pernah menghantar mubaligh Islam ke wilayah jajahannya. Sultan Mansur Syah misalnya, pernah menghantar mubaligh Islam ke daerah Sungai Kampar di Minangkabau Timur. Mubaligh-mubaligh Islam dari Melaka adalah dipercayai bertanggungjawab mengislamkan Jawa, Johor, Jambi, Pahang, Kampar, Bengkalis, Bintang dan Pulau Karimon, yang telah membawa Islam ke Filipina dan ke Kepulauan Sulu.

³⁰ Armando Cartesao (ed.), 1944. *The Suma Oriental of Tome Pires*, Jilid 2, hlm. 249

Pengaruh Islam dalam Sistem Perundangan Melaka

Di bawah pentadbiran Tun Perak, Undang-undang Melaka juga telah dipengaruhi oleh Agama Islam. Sebagai sebuah negara yang teragung di Kepulauan Melayu sekitar abad ke-15 M, Melaka mempunyai pentadbiran yang tersusun rapi. Ia mempunyai peraturan dan undang-undang tertentu yang mengawal peraturan pentadbirannya. Dalam zaman keagungannya, Melaka mempunyai dua buah undang-undang yang mengawali pentadbirannya, iaitu *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-undang Laut Melaka*.

Tun Perak yang memegang jawatan Bendahara Paduka Raja telah berjaya menyerapkan undang-undang Islam ke dalam sistem perundangan Melaka. Sebagai masyarakat yang amat menghormati sistem dan tatasusila berkerajaan, Melaka juga didapati keras dengan protokolnya. Peradaban bertambah gemilang dengan terserapnya Islam ke dalam nilai hidup, kepercayaan dan akidah, halacara dan kaedah pelaksanaan undang-undang, institusi keilmuan, syariat dan muamalat dalam kehidupan seharian. Merujuk kepada *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-Undang Laut Melaka*, sumber undang-undangnya berteraskan kepada hukum adat Melayu dan tempatan serta undang-undang Islam dari mazhab Syafie. Kadang-kala begitu tegas undang-undang yang dilaksanakan sehingga hukuman hudud dikuatkuasakan atau sekurang-kurangnya dirakamkan di dalam manual undang-undangnya. Kesalahan zina dihukum sula. Ketua hal ehwal Agama Islam dan pengeluar fatwa ialah kadi. Agama Islam amat dihormati dalam sistem perundangan

Melaka. Kitab agama seperti *ad-Darul Manzum* diberikan penghargaan yang begitu tinggi.³¹

Agama Islam yang diperkenalkan kepada masyarakat Melayu bukan hanya satu agama yang meyakinkan keesaan Allah, tetapi juga satu sistem etika yang diterima oleh semua golongan.³² Hal ini antara lain dapat dilihat dalam peraturan hidup masyarakat sebagaimana yang tercatat dalam *Hukum Kanun Melaka* terutama dalam fasal-fasal yang akhir.³³

Sungguh pun Melaka merupakan sebuah negari Islam akan tetapi pemerintahannya tidaklah merupakan pemerintahan Islam yang sepenuhnya. Undang-undang yang dikatakan di atas tadi bukanlah berlandaskan sepenuhnya kepada undang-undang atau peraturan Islam. Ia hanya mempunyai pengaruh Islam di dalamnya. *Hukum Kanun Melaka* umpamanya hanya mempunyai 40.95% sahaja hukum-hukumnya yang mengikut perhukuman Islam manakala *Undang-undang Laut Melaka* pula, hanya mempunyai satu Fasal sahaja daripada 25 Fasal yang terdapat di dalamnya yang mengikut hukum Islam yang sebenar.³⁴ Peraturan agama dalam undang-undang ini berlandaskan mazhab syafie. Hukum agama sering dimulakan dengan perkataan ‘mengikut Hukum Allah’ ataupun ‘mengikut dalil Allah’. Akan tetapi mengikut Muhammad Yusof Hashim, kebanyakkan daripada Fasal-fasal yang bermula dengan

³¹ Muhamad Yusoff Hashim, 1998. *Daulat, Konsepnya Dalam Budaya politik Kerajaan Melayu Awal*, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, hlm.18.

³² Mohd Taib Osman, 1980. ‘Islamisation of the Malay: A Transformation of Culture’, dalam ‘*Tamadun Islam di Malaysia*’, (pnys. Khoo Kay Kim et al.), Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, hlm. 4.

³³ Liaw Yock Fang, 1976. *Undang-undang Melaka-A Critical Edition*. Lihat Fasal-fasal mengenai perniagaan, perkahwinan, kecurian dan berzina.

³⁴ Muhammad Yusoff Hashim, 1989. *Kesultanan Melayu Melaka*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 221-223.

ungkapan-ungkapan yang sedemikian itu pun bukannya daripada hukum Islam.³⁵

Iaitu, seperti yang telah dinyatakan di atas, hanya 40.95% atau lapan belas Fasal sahaja daripada *Hukum Kanun Melaka* itu yang menurut Undang-undang Islam. Di antara yang jelas mengikut Undang-undang Islam ialah mengenai Undang-undang Keluarga. Akan tetapi di dalam hal-hal yang lain telah wujud percampuran di antara hukum-hukum adat dengan hukum-hukum Syarak. Contohnya, kesalahan jenayah membunuh sering ada pilihan di antara hukum adat dengan hukum syarak. Dalam Fasal 14.2, yang bersabit dengan pembunuhan orang yang bersalah, hakim mempunyai kuasa menentukan sama ada hukum adat atau hukum syarak yang harus digunakan untuk menghukum pesalah.

Di dalam *Hukum Kanun Melaka* terdapat juga yang diambil sepenuhnya daripada hukum syarak terutama yang berhubung dengan Undang-undang Keluarga. Hukum-hukum ini diperolehi dalam bahagian akhir Kanun itu. Di antaranya ialah mengenai:

1. Perwalian seseorang perempuan (Fasal 25.1)
2. Syarat sah ijab kabul dalam perkahwinan (Fasal 25.2)
3. Hukum dan syarat saksi dalam pernikahan (Fasal 26)
4. Hukum-hukum tentang perceraian dan perpisahan antara suami isteri (Fasal 27-28)
5. Hukum Riba (Fasal 30)

³⁵ *Ibid.*, hlm. 221.

6. Hukum Jual Beli (Fasal 31.1-31.3). Terdapat lagi beberapa Fasal yang lain yang jelas menampakkan hukum syariah di dalamnya.

Di dalam soal pembelian dan peminjaman pula, *Hukum Kanun Melaka* menekankan kepentingan mencatatkan nilai-nilai pinjaman dengan disaksikan oleh dua orang lelaki.

Dalam *Undang-undang Laut Melaka*, seperti yang telah dinyatakan di atas tadi bahawa hanya satu sahaja Fasalnya yang mengandungi hukum syarak, iaitu mengenai orang yang telah melakukan kesalahan zina. Fasal-fasal yang lain adalah merupakan hukum adat. Fasal-fasal dalam undang-undang itu menyatakan bahawa:

Bermula hukum atas segala orang yang berzina di dalam jong atau baluk. Jikalau ia merdeka (ada beristeri sama merdeka atau tiada, maka ia berzina dengan isteri sama merdeka di dalam jong itu) hendaklah dibanyak-banyak oleh nakhoda, dibunuh kedua-duanya. Dan jika laki-laki dan perempuan kedua-duanya pun merdeka lagi bujang maka dipalu seratus kali akan dia, kemudian dikahwinkan.³⁶

Sungguhpun hukum Islam sepenuhnya tidak dijalankan di Melaka, akan tetapi hukum itu memang disedari oleh rakyat Melaka pada ketika itu. Para Kadi dan Undang-undang Islam telah memainkan peranan penting dalam pentadbiran negeri Melaka di bawah pentadbiran Tun Perak. Namun demikian

³⁶ *Ibid.*, hlm. 223.

mengikut Muhammad Yusof Hashim tidak ada bukti yang jelas menunjukkan wujudnya institusi syariah bagi mengendalikan hal ehwal Agama Islam seperti hari ini.³⁷ Perkara ini mungkin kerana undang-undang syariah dan undang adat itu dipersatukan, tidak dipisahkan seperti undang-undang syariah dan undang-undang awam atau jenayah seperti yang terdapat pada hari ini. Ini bermakna kedudukan raja adalah di atas undang-undang itu sendiri.

Pengaruh Islam Dalam Sosiobudaya Masyarakat Melayu

Di bawah pentadbiran Tun Perak yang menjadikan Agama Islam sebagai agama rasmi, telah menyebabkan wujudnya pengaruh Islam dalam sosiobudaya masyarakat Melayu. Menurut catatan pencatat China iaitu Ma Huan Ying Yai Sheng Ian terdapat pemerintah dan rakyat Melaka yang patuh pada ajaran Islam seperti bersembahyang, puasa dan mengeluarkan zakat.

Penunaian Rukun Islam yang ketiga iaitu puasa pada bulan Ramadhan, tidak dinyatakan dengan jelas. Namun begitu kita boleh mengandaikan ia dilaksanakan oleh masyarakat Melaka terutama golongan istana iaitu pihak pemerintah. Ini adalah berdasarkan kepada peraturan mengarak sejадah ke Masjid pada hari yang ke 27 Ramadhan untuk bersembahyang terawikh pada malamnya. Peraturan itu dibuat oleh Sultan Muhammad Syah, dan terdapat juga penyambutan hari raya besar dan kecil (Aidilfitri dan Aidiladha).³⁸

³⁷ *Ibid.*, hlm. 235.

³⁸ W.G., Shellabear, (ed) 1982. *Sejarah Melayu*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, hlm. 55-56.

Walau bagaimanapun Rukun Islam yang keempat dan kelima iaitu mengeluarkan zakat dan menunaikan fardhu haji tidak disentuh langsung dalam *Sejarah Melayu*. Berdasarkan sumber Portugis, Tome Pires menyatakan Sultan Mansur Syah begitu berminat untuk menunaikan fardhu haji ke Mekah. Baginda telah menempah sebuah kapal dari Pegu.³⁹ D'Albuquerque pula menyatakan Sultan Alauddin Riayat Syah juga berazam untuk ke sana tetapi baginda mangkat terlebih dahulu.⁴⁰ Hang Tuah dan Maharaja Setia serta enam belas orang pegawainya dikatakan sampai menunaikan haji di Mekah semasa dalam perjalanan ke Rom untuk membeli meriam.⁴¹ Malah kemungkinan besar pedagang-pedagang Melayu yang berdagang di Timur Tengah (Arab Parsi) telah menunaikan fardhu Haji itu.

Dalam adat istiadat perkahwinan pula, Tome Pires ada mencatatkan amalan mas kahwin dan hantaran. Selain itu terdapat juga penggunaan bulan Ramadhan, Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji yang semuanya menggambarkan pengetahuan tentang sistem taqwim (kalender) Islam. Pada batu nisan Nakhoda Haji al-Kambay bin Jama-al-din terdapat tarikh hari Jumaat, 9 Syawal tahun 808 Hijrah (9 Ogos 1459M). Kini ia terdapat di Muzium Raffles di England. Kesemua ini jelas menggambarkan bahawa terdapat pengaruh Islam yang kuat di kalangan Masyarakat Melayu baik di kalangan pemerintah, rakyat tempatan maupun pada batu nisan si mati.

³⁹ A. Cartesao (ed.), 1944. *The Suma Oriental of Tome Pires*, Jil.2, hlm. 249-250.

⁴⁰ W.D.G., Birch (trj.), 1880. *The Commentaries of The Great Alfonso D'Albuquerque*, hlm. 80-81.

⁴¹ Kassim Ahamad, (ed.), 1975. *Hikayat Hang Tuah*, hlm. 476-479.

Kehadiran ulama-ulama yang menitikberatkan perkembangan ilmu pengetahuan telah melahirkan institusi pengajian Islam yang tidak formal bentuknya. Ia dijalankan di istana-istana, rumah-rumah ulama, masjid-masjid dan surau-surau. Istana pula menjadi pusat pengajian agama yang penting lantaran ia merupakan pusat segala aktiviti rakyat dalam negeri. *Sejarah Melayu* mencatatkan bahawa *Hikayat Muhammad Ali Hanafiah*, *Hikayat Amer Hamzah* dan *Hikayat Iskandar Zulkarnain* tersimpan di istana. Selain itu terdapat juga kitab *Darul Mazlum* iaitu kitab pemberian Maulana Abu Bakar dari Mekah, yang mengandungi tiga bab yang membicarakan tentang zat, sifat dan af'al Allah dan jawapan-jawapan bertulis mengenai persoalan-persoalan keagamaan yang pernah dikemukakan di Pasai.

Kesimpulannya, Tun Perak yang memegang jawatan Bendahara Paduka Raja dalam Kerajaan Melaka merupakan orang yang bertanggungjawab menjadi tunggak penyebaran Islam di rantau Asia Tenggara. Di atas kebijaksanaan beliau, Melaka berjaya muncul sebagai sebuah benteng Islam yang perkasa pada abad ke 15 dan telah menyebarkan Agama Islam dengan kekuatan semangat serta dengan kesungguhan di seluruh kawasan Kepulauan Melayu. Oleh yang demikian, kerajaan Melaka telah berjaya muncul sebagai sebuah pusat penyebaran Islam yang tiada tandingannya di Alam Melayu pada abad ke -15 M.